

28/09/2000

Pantai Sabah perlu dikawal berterusan

Lichong Angkui

TUJUH belas hari sudah berlalu, belum ada khabar rasmi mengenai nasib tiga tebusan rakyat Malaysia yang diculik dari Pulau Pandanan, Semporna, kecuali laporan dan perkhabaran tidak rasmi menyatakan tebusan disembunyikan di Pulau Jolo, selatan Filipina.

Kini, kebimbangan semakin menghantui fikiran keluarga tebusan yang menghitung hari penuh debaran, sambil memanjatkan doa agar orang yang disayangi tetap diberi perlindungan oleh Yang Maha Esa dan dapat pulang segera ke pangkuan keluarga.

Hanya tawakal dan kekuatan iman dijadikan sandaran oleh anggota keluarga terdekat dalam menantikan berita mengenai keadaan dan nasib tebusan.

Setiap kali senja berlabuh, mereka mengharapakan mentari pagi esok bersinar cerah menerangi kehidupan mereka semula!

Tetapi sampai saat ini, ternyata kehampaan terus menyelubungi mereka.

Belum ada pengesahan rasmi pihak berkuasa Malaysia atau Filipina mengenai nasib ketiga-tiga tebusan - Pengurus Pandanan Semporna Island Resort (Pasir), Mohd Noh Sulaiman, 40; jurulatih selam Borneo Divers, Joe Joseph Jongkinoh, 40; dan pekerja syarikat kontrak, Kan Wei Chong, 35, sejak mereka diculik pada 10 September lalu.

Operasi ketenteraan yang dilancarkan pasukan keselamatan Filipina ke atas kubu kumpulan Abu Sayyaf sejak 16 September lalu, menambahkan lagi kebimbangan keluarga tebusan dan rakyat Sabah keseluruhannya.

Mereka bukan saja khuatir terhadap keselamatan tebusan, tetapi juga terhadap implikasi banjir pelarian dari selatan Filipina ke negeri Sabah.

Menyedari hakikat ini, pasukan keselamatan awal-awal lagi sudah mengambil langkah drastik dengan menempatkan anggota tambahan di kawasan strategik di pantai timur Sabah - mungkin setelah mengambil iktibar daripada insiden penculikan pertama di Pulau Sipadan pada 23 April lalu.

Hari ini, ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sudah digerakkan ke barisan hadapan sempadan perairan Sabah-Filipina untuk bekerjasama dengan pelbagai unit Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta beberapa agensi keselamatan lain.

Khabarnya, lima pesawat pejuang Hawk, beberapa pesawat pengangkut C-130 Hercules, pesawat peninjau Beechcraft serta Nuri ditempatkan di Sandakan dengan operasi lojistik dan taktikal dikendalikan menerusi sistem radar yang baru dipasang di situ.

Selain itu, bilangan kapal armada tentera laut akan ditambah kepada 20 berbanding tujuh yang meronda perairan Kudat hingga ke Tawau sekarang, selain sebuah lagi berlabuh di Kota Kinabalu menunggu arahan operasi bila-bila masa.

Dari segi kekuatan anggota pula, tiga batalion tentera dihantar ke pulau dan lokasi strategik di perairan pantai timur. Ia turut merangkumi anggota gerak cepat dari unit Paskal.

Sambil Kabinet mentakrifkan penculikan itu sebagai pencabulan kedaulatan dan dengan berbekalkan arahan 'shoot-on-sight' terhadap kumpulan bersenjata yang cuba menceroboh perairan Sabah, anggota pasukan keselamatan semestinya mampu menangani sebarang ancaman mendatang.

Manakala pasukan polis pula sememangnya mempunyai anggota di beberapa pulau strategik, dan akan mewujudkan 22 pos kawalan polis sebagai tambahan 16 pos kawalan yang sedia ada.

Mulai esok pula, satu lagi batalion Pasukan Gerakan Am (PGA) dari

Sarawak diterbangkan ke pantai timur bagi memperkukuhkan kawalan.

Jaminan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai dan Panglima 5 Briged Infantri, Brigadier Jeneral Datuk Khalid Saad, untuk terus mempertingkatkan kawalan keselamatan di perairan Sabah, sesungguhnya amat dialu-alukan.

Sewajarnya langkah sedemikian diambil bagi mempertahankan kedaulatan negara ini agar tidak dicerobohi anasir jahat, sekali gus mewujudkan suasana aman dan selamat kepada rakyat serta pelabur.

Namun begitu, peningkatan kawalan keselamatan perlu dibuat secara berterusan dan tidak bermusim. Justeru, penempatan anggota keselamatan di perairan pantai timur yang dilakukan sekarang seharusnya menjadi perhitungan jangka panjang.

Perlu diingat bahawa isu pendatang asing di Sabah begitu rumit sekali. Ia bukan perkara baru, malah sudah bermula seawal tahun 70-an lagi.

Masalah yang dihadapi di Sabah berbeza dengan masalah kemasukan pendatang asing di Semenanjung, maka cara penyelesaiannya juga harus berbeza.

Kini, anggaran pihak berkuasa menunjukkan terdapat kira-kira 500,000 rakyat asing di Sabah, kebanyakannya dari Filipina dan Indonesia.

Jika berlaku lagi penghijrahan beramai-ramai dari selatan Filipina, sekali pun dengan status sebagai pelarian perang, tentulah masalah yang dihadapi sekarang menjadi bertambah rumit lagi.

Sememangnya, penyelesaian terhadap masalah itu tidak boleh dilakukan dalam sekelip mata, tetapi jika usaha bersepadu digerakkan oleh semua pihak, nescaya ia akhirnya akan membuahkan hasil jua.

Semoga kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di akhir lawatan kerja dua hari ke Sabah minggu lalu, dijadikan iktibar semua pihak bagi memperbetulkan keadaan demi kesejahteraan bersama.

Perdana Menteri antara lain menyatakan rasa tidak puas hati dengan kawalan keselamatan di perairan Sabah, sambil mengarahkan supaya ia dipertingkatkan lagi.

(END)